

28 DEC 1996

Mahathir-Pulai Chondong

DR MAHATHIR YAKIN BN AKAN MENANG DI PULAI CHONDONG

LANGKAWI, 28 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan memenangi kerusi Pulai Chondong dalam pilihan raya kecil 6 Jan ini.

"Saya nampak peluang cerah, very bright," kata Perdana Menteri kepada pemberita apabila ditanya tentang peluang BN yang ditentang oleh PAS bagi kerusi Dewan Undangan negeri Kelantan itu.

BN meletakkan bekas timbalan pengurus besar Kesedar, Yusoff Hamzah, calon PAS ialah Zulkifli Mamat, bekas pensyarah ITM.

Ditanya tentang kemungkinan pengundi Pulai Chondong memilih parti pembangkang, beliau berkata jika pengundi kawasan itu memilih PAS keputusan itu harus dihormati.

"Kalau orang nak memilih PAS kita terima...jika mereka memihak kepada parti pembangkang mereka hendaklah menerima sama kesan daripada tidak memihak kepada parti itu," katanya.

Beliau mengingatkan pengundi di Kelantan dan Pulai Chondong khasnya supaya tidak menyalahkan kerajaan pusat jika negeri dan kawasan itu terus mundur jika di bawah PAS.

"Jadi jangan salahkan kita kerana Kelantan jadi macam itu, macam ini dan apa-apa saja...jangan salahkan kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata berkata pengundi di Pulai Chondong hendaklah bijak menggunakan hak mereka dalam pilihan raya itu nanti.

"Pengundi pilih sendiri, ini hak orang Kelantan... hak orang Pulai Chondong menentukan nasib mereka dan kita harap mereka menggunakan hak mereka dengan bijak," katanya.

Pilihan raya kecil Pulai Chondong diadakan berikutan kematian Kapt (B) Mohd Noor Ahmad, dulunya dari Parti Melayu Semangat 46.

--BERNAMA

MT MFJ MAI